

(3) SOALAN NO : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN : 10

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) Adakah golongan warga emas kini perlu membayar sebayak 50% daripada kos rawatan mereka yang sebelum ini adalah percuma ; dan
- (b) Kalau benar, jelaskan pertukaran dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Y.A.B Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2011 dan 2012 telah mengumumkan bahawa semua warganegara Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas layak dikecualikan caj pendaftaran pesakit luar (caj pendaftaran berjumlah RM1 atau RM5) di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia dan rawatan pergigian. Bagi

14

pesakit warga emas yang dimasukkan ke dalam wad kelas 3 hospital KKM, pengurangan 50% disediakan untuk caj wad, siasatan dan rawatan dengan jumlah caj maksimum RM250 bagi setiap kemasukan.

Untuk makluman YB Kelana Jaya, sebelum tahun 2011 kemudahan pengurangan caj 50% ini tidak disediakan kepada pesakit warga emas dalam wad kelas 3. Justeru, tiada pertukaran dasar kerajaan mengenai perkara ini.

SOALAN (11)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

SOALAN :

YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah siri jelajah dan Town Hall setakat ini memenuhi harapan Kerajaan dalam usaha membina kerangka pembinaan bangsa Malaysia yang dinamik dan progresif, menepati matlamat Transformasi Nasional 2050.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Januari 2017 hingga kini, pelbagai aktiviti libat urus (*engagement*) berkaitan TN50 telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi Kerajaan yang lain serta pihak swasta. Aktiviti-aktiviti libat urus ini termasuklah sesi dialog, perbincangan meja bulat, sesi *townhall*, bengkel bersama kumpulan fokus, soal selidik, pertandingan dan sebagainya yang melibatkan *stakeholders* dan kumpulan sasar masing-masing di seluruh Negara termasuk juga rakyat Malaysia di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, input daripada sesi libat urus bersama golongan belia telahpun diterjemahkan ke dalam laporan belia yang dinamakan Kanvas Belia dan diserahkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada YAB Perdana Menteri pada 28 Februari 2018. Kanvas Belia tersebut memaparkan tentang tema utama yang dibincang dan diaspirasikan oleh golongan belia iaitu Global, Saksama, Mampan, Bersatu, Bertanggungjawab dan Prihatin.

Selain itu, input yang terkumpul daripada golongan selain belia rata-ratanya menunjukkan rakyat Malaysia menitikberatkan tentang kualiti kehidupan, masyarakat yang mapan dan inklusif serta beridentitikan Malaysia ke arah tahun 2050. Kesemua input yang terkumpul ini kelak akan digunakan untuk penggubalan dokumen dasar TN50 oleh Jabatan Perdana Menteri yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara bagi 30 tahun akan datang sehingga tahun 2050, bermula dengan penghasilan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Sehingga kini, lebih daripada dua juta rakyat Malaysia telah terhubung bagi mengetahui tentang pelan dan perancangan TN50, lebih daripada 300,000 rakyat telah dilibatkan dengan aktiviti TN50 dan lebih daripada 150,000 aspirasi telah terkumpul untuk dianalisa dan disintesis menjadi input kepada penghasilan dokumen Dasar TN50. Aktiviti TN50 ini merupakan kaedah mendapatkan penglibatan rakyat yang paling besar pernah dilaksanakan oleh Kerajaan memandangkan TN50 merupakan aktiviti yang dilaksanakan “oleh rakyat dan untuk rakyat” (*by the people, for the people*).

Sekian, terima kasih.

6 Mac 2018